

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2021
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Projek seperti kereta api kelajuan tinggi beri impak positif kepada rantaian bekalan

KUALA LUMPUR

Malaysia boleh menyaksikan pembangunan ekonomi yang lebih hebat sekiranya ia memulakan projek-projek infrastruktur mega pasca pandemik seperti kereta api berkelajuan tinggi terutama bagi tujuan pengangkutan barang yang akan memberikan pelbagai kesan ke seluruh rantaian bekalan.

Menurut Pensyarah Keusahawanan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Aida Idris, projek-projek sumpama itu akan menjadi pendorong kepada pengusaha luar bandar untuk menghasilkan dan memasarkan produk mereka di bandar dan melangkauinya.

"Dengan ekonomi digital yang semakin berkembang bak cendawan sejak tahun lepas, saya yakin kerajaan akan meneliti untuk memenuhi projek infrastruktur mega - lebih kepada pengangkutan barangan berbanding penumpang," katanya.

Beliau berkata, tiga sektor utama yang akan menerajui pertumbuhan ekonomi negara pasca pandemik adalah pembuatan, pertanian dan perkhidmatan te-

tapi tanpa ambil kira tiga sektor ini, tiada satu pun yang boleh berfungsi tanpa sokongan infrastruktur dan utiliti yang baik.

"Maksud saya ialah jangan kita abaikan ataupun terlepas pandang terhadap sektor infrastruktur dan utiliti yang merupakan syarat paling asas dalam pemulihan ekonomi negara," katanya sambil menambah beberapa negara Eropah juga mengguna pakai strategi pengangkutan barang menggunakan kereta api untuk tingkatkan ekonomi.

Mengulas lanjut mengenai pentingnya projek infrastruktur yang baik, beliau berkata, projek kereta api berkelajuan tinggi harus fokus pada pencapaian pembangunan yang sama antara kawasan luar bandar dan bandar sejajar dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Beliau berkata, pandemik ini telah membawa masyarakat kepada gaya hidup norma baharu iaitu bekerja dari rumah dan memanfaatkan ekonomi digital dengan mana hampir semua pekerjaan beroperasi secara dalam talian, justeru, mampu mengurangkan pergerakan.

"Keperluan untuk pergerakan

an penumpang juga dapat dikurangkan tetapi lebih kepada ekonomi digital dan perniagaan dalam talian kerana barangan dapat diakses menerusi pasaran bukan tradisional," katanya.



Malaysia boleh menyaksikan pembangunan ekonomi yang lebih hebat sekiranya ia memulakan projek-projek infrastruktur mega pasca pandemik seperti kereta api berkelajuan tinggi.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kerajaan akan kaji semula semua projek pembinaan di seluruh negara, terutamanya yang belum dimulakan.

Sementara itu, mengenai

bantuan tunai melalui pelbagai pakej yang diperkenalkan oleh kerajaan termasuk Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan), Aida berkata, pakej-pakej ini pasti akan membantu meningkatkan ekonomi, bergantung kepada peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang pelbagai antara negeri.

"Bantuan tunai untuk mereka yang berada di fasa satu sangat diperlukan untuk menampung perbelanjaan asas tetapi bagi me-

reka yang telah memasuki fasa dua dan seterusnya, bantuan tunai adalah penting bagi ekonomi tempatan kerana ia meningkatkan kuasa membeli rakyat.

"Orang ramai cenderung berbelanja banyak dan kegiatan ekonomi akan bertambah sekiranya ada permintaan yang lebih tinggi. Sehubungan itu, bantuan tunai untuk golongan yang berada pada fasa dua dan ke atas akan memberi kesan positif kepada keseluruhan rantaian bekalan," jelasnya. - Bernama

reka yang telah memasuki fasa dua dan seterusnya, bantuan tunai adalah penting bagi ekonomi tempatan kerana ia meningkatkan kuasa membeli rakyat.

"Orang ramai cenderung berbelanja banyak dan kegiatan ekonomi akan bertambah sekiranya ada permintaan yang lebih tinggi. Sehubungan itu, bantuan tunai untuk golongan yang berada pada fasa dua dan ke atas akan memberi kesan positif kepada keseluruhan rantaian bekalan," jelasnya. - Bernama